

24 FEB 1998

Komanwel-Pra

PRA KOMANWEL PADA 11 HINGGA 19 JULAI

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad akan menganjurkan pra-Sukan Komanwel pada 11 hingga 19 Julai ini di Kompleks Sukan Bukit Jalil.

Pengerusi eksekutifnya, Jen (B) Tan Sri Hashim Ali berkata pertandingan yang meliputi saingan tempatan dan juga antarabangsa itu akan dijalankan serentak melibatkan olahraga, akuatik, skuasy, hoki lelaki dan jimmastik disertai sebanyak 2,000 atlit.

"Kita akan mengambil kira beberapa kejohanan antarabangsa pada masa itu. Kita harap Menteri Belia dan Sukan akan bersetuju dengan tarikh ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan lima persatuan sukan, Majlis Olimpik Malaysia, polis, RTM dan Kementerian Penerangan.

Hashim berkata Sukom akan menggunakan kesemua sumber yang ada, termasuk sukarelawan, pengangkutan, peralatan, teknologi dan sistem tiket manakala beberapa orang pegawai teknikal dari luar negeri juga dijemput.

"Kita akan menguji semua sistem semasa pra-Sukan Komanwel itu. Saya mahu melihat tahap tekanan supaya kita boleh mengenalpasti kelemahan dan kekurangan untuk menghadapi kejohanan sebenar, Sukan Kuala Lumpur '98," kata beliau.

Pra-sukan itu pada mulanya akan dilangsungkan pada 9-12 Julai seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sukan Komanwel akan dilangsungkan pada 11-21 Sept.

Semua aspek sukan yang tertakluk di bawah tanggung jawab Sukom akan diuji, termasuk ujian dadah, keselamatan, penyiaran tuan rumah dan kalau boleh perkampungan sukan, kata Hashim.

Hashim berkata selepas perbincangan itu Sukom dan lima badan sukan itu bersetuju dengan tarikh baru setelah mengambil kira perlawanan akhir Piala Dunia pada 12 Julai, Kejohanan Trek dan Balapan Asia di Fukuoka 19-22 Julai dan Grand Prix olahraga di Eropah.

Beliau berkata Kejohanan Skuasy Asia akan menjadi sebahagian daripada pra-sukan itu manakala Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) akan menyaksikan kemungkinan perubahan menukar pra-sukannya dari Mei ke Julai.

Olahraga memerlukan tiga hari manakala skuasy memerlukan lapan hari, akuatik (enam hari), hoki (empat hari) dan jimmastik (enam hari) untuk melengkapkan persaingan mereka, kata Hashim.

"Stadium utama mungkin siap Mei ini tetapi keadaan sekelilingnya tidak. Temasya olahraga mungkin akan diubah ke bulan Julai, tertakluk kepada pengesahan Presiden KOAM," katanya.

Jemputan yang dihantar kepada 30 negara untuk mengambil bahagian pada Mei ini mungkin akan menjejaskan penyertaan tetapi beliau yakin sebahagian atlit Asia akan turut serta.

Sukan akuatik dan jimmastik akan mengadakan pertandingan tempatan semasa berlangsungnya Pra-Sukan Komanwel sementara sukan hoki akan mengaturkan beberapa perlawanan persahabatan antarabangsa terutamanya dengan India atau Pakistan, kata Hashim.

"Apa yang penting ialah kami tidak mahu kejohanan pada Julai mengatasi kemeriahan temasya sebenar pada September. Pra-Sukan Komanwel seperti akuatik pada Jun juga akan diteruskan seperti yang dijadualkan," katanya.

Jadual lima acara Pra-Sukan itu akan disusun hampir serupa dengan jadual Sukan Komanwel sementara keperluan sukarelawan juga akan diselaraskan dengan kesesuaian kejohanan sebenar, katanya.

Hashim berkata sistem LRT akan mula beroperasi semasa berlangsungnya

kejohanan itu dan beliau akan mengemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memberi kebenaran kepada beberapa syarikat bas menjalankan perkhidmatan ke kompleks sukan Bukit Jalil semasa berlangsungnya kejohanan pra-sukan.

Hashim berkata pelanggan-pelanggan penyiaran juga seharusnya mengambil peluang semasa Pra-Sukan itu untuk menguji peralatan mereka.

Sebagai langkah untuk menarik kehadiran ramai penonton pada pra-sukan itu, Hashim berkata bayaran masuk tidak akan dikenakan dan cabutan bertuah juga diadakan. -- BERNAMA

AR AHH